PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (1) Mei 2021 (080 - 099)

Lakuan Pertuturan dalam Filem Nordin Ahmad

Aminnudin Saimon
deanamin@iium.edu.my

Kuliyyah Language and Management
International Islamic University Malaysia
Pagoh, Johor

Tarikh terima : 10 April 2021
Received
Terima untuk diterbitkan : 12 Mei 2021
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2021
Published online

Abstrak

Lakuan pertuturan merupakan hubungan dua hala antara penutur dengan pendengar yang memperlihatkan ujaran penutur dalam menyatakan sesuatu dapat difahami oleh pendengar dan pendengar bertindak balas terhadap ujaran penutur. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis lakuan pertuturan menggunakan teori lakuan bahasa Searle (1969). Data penyelidikan diperoleh daripada empat buah filem Melayu klasik, iaitu filem Semerah Padi (1956), filem Hang Jebat (1961), filem Seri Mersing (1961) dan filem Lancang Kuning (1962). Hasil penyelidikan mendapati bahawa sebanyak 1391 lakuan bahasa yang terdapat dalam ujaran yang digunakan pada keempat-empat buah filem. Sebanyak 370 lakuan pertuturan daripada FLK, 277 lakuan pertuturan daripada FHJ, 496 lakuan pertuturan daripada FSM dan 248 lakuan pertuturan daripada FSP. Daripada jumlah tersebut, lakuan pertuturan asertif merupakan lakuan yang paling dominan, iaitu sebanyak 671 kekerapan, diikuti oleh lakuan direktif sebanyak 442 kekerapan dan lakuan ketiga yang paling kerap ialah lakuan ekspresif sebanyak 176. Lakuan komisif dan deklaratif merupakan lakuan yang kurang kerap digunakan, iaitu sebanyak 96 dan 6 kekerapan. Penggunaan teori paragmatik, iaitu Teori Lakuan Bahasa (Searle, 1969) dilihat amat berwibawa dalam merungkai makna hajat komunikatif penutur, diinterpretasi dan difahami oleh pendengar, seterusnya pendengar bertindak terhadap hajat komunikatif penutur. Hasil analisis data mendapati bahawa lakuan bahasa dapat memberikan satu input dalam komunikasi, iaitu hubungan yang saling memahami.

Kata Kunci: Lakuan Bahasa, Filem Melayu, Pragmatik, Teori Lakuan Bahasa (Searle)

Speech Act in Nordin Ahmad Films

Abstract

Speech acts is a two-way relationship between speakers and listeners that demonstrates how the speaker expresses something that the listener can understand and the listener responds to what the speaker is saying. Researchers listed one main objective of the study, namely analyzing speech acts using Searle's (1969) speech acts theory. The research data were obtained from four classic Malay films, namely Semerah Padi (1956),

Hang Jebat (1961), Seri Mersing (1961) and Lancang Kuning (1962). The results showed that a total of 1391 speech acts were included in the four films used. 370 speech acts from FLK, 277 speech acts from FHJ, 496 speech acts from FSM and 248 speech acts from FSP. Of these, the assertive speech acts was the most dominant, 671, followed by the directive of 442 and the third most frequent is expressive speech acts of 176. Commissive and declarative speech acts are the least frequently used, with 96 and 6 frequency. The use of the pragmatic theory, the speech acts theory (Searle, 1969), was seen to be very effective in unraveling the meanings of communicative intent of the speaker, interpreted and understood by the listener, thus listening to the communicative intent of the speaker. Data analysis results show that language can provide one input in communication, that is, mutual understanding.

Key Words: *Speech Acts, Malay Films, Pragmatics, Speech Acts Theory (Searle, 1969)*

---

1. Pendahuluan

Lakuan pertuturan merupakan bentuk bahasa yang digunakan seharian dalam menyampaikan pelbagai tujuan. Hal ini demikian apabila seseorang melakukan pertuturan sebenarnya dia telah melakukan sesuatu bentuk lakuan (Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2015). Lakuan pertuturan sentiasa berlaku dalam komunikasi seharian dalam apa jua medium komunikasi. Lakuan pertuturan membicarakan tentang kata yang maknanya memberikan implikasi bahawa penutur yang menggunakan kata kerja tersebut dalam pertuturannya telah melakukan tingkah laku yang terdiri daripada pelbagai jenis. Kata kerja yang tergolong dalam kategori ini dinamakan kata kerja performatif, contohnya, jamin, bertaruh, cadang, janji, lantik, isytihar, mohon, tanya, dan makluman (Huang, 2015). Horn & Ward (2015) dan Hirschberg (2014) mengatakan bahawa terdapat juga lakuan yang tidak tergolong dalam kategori yang dinamakan lakuan pertuturan tak langsung, iaitu tidak wujud kata kerja performatif, namun demikian dalam keperihalan keadaan tertentu ayat ini boleh menjadi performatif kerana mengakibatkan pendengar melakukan sesuatu lakuan seperti melakukan helah dan memutuskan hubungan (Holdcroft, 2014).

Filem yang dihasilkan merupakan cerminan budaya dan norma masyarakat sesebuah negara. Monaco (2014) menjelaskan bahawa sesebuah karya filem itu merupakan cerminan sebenar dalam budaya sesebuah masyarakat. Begitu juga halnya dalam karya filem Melayu turut memaparkan aspek kemelayuannya kepada khalayak penonton. Salah satu ciri kemelayuan yang mencerminkan budaya Melayu menerusi karya filem adalah aspek lakuan bahasa, cara masyarakat Melayu bertindak balas terhadap lakuan yang diperoleh dan cara masyarakat Melayu mengekspresikan sesuatu. Aspek lakuan bahasa dalam filem ini merujuk kepada cara dan bentuk bahasa yang menggunakan proposisi, kata kerja performatif, lakuan tidak langsung dan lakuan secara langsung. Lakuan bahasa dalam karya filem turut meliputi aspek seperti pemilihan leksikal, nada, gerak laku dan juga gaya yang digunakan semasa seseorang berkomunikasi.

Penyataan Masalah

Penerapan lakuan bahasa dalam filem dilihat cukup berkepentingan, terutamanya sebagai menyampaikan maklumat, pendidikan dan pemaparan budaya masyarakat. Namun begitu, kerencaman bahasa dalam filem dilihat begitu sukar untuk dikenal pasti dan dikategorikan mengikut peranannya dalam menyampaikan maklumat dan tujuan komunikasi yang lain. Hal ini demikian kerana mesej yang terkandung dalam lakuan bahasa sukar diperoleh sekiranya pendengar tidak memahami hajat komunikatif penutur. Bertitik tolak daripada itu, timbul masalah untuk

memahami hajat komunikatif penutur berdasarkan kerencaman bentuk bahasa yang terdapat dalam filem. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof dan Karim Harun (2017) memperlihatkan lakuan bahasa direktif dalam komunikasi dilihat mempunyai 'kuasa' dalam menuntut pendengar melakukan sesuatu. Daripada kajian ini, sesuatu komunikasi tergendala, sekiranya hajat komunikatif penutur tidak difahami oleh pendengar yang menyebabkan penyampaian maklumat, penyataan dan sebagainya gagal.

Lakuan bahasa tidak hanya bergantung pada ayat, kata kerja performatif, pemilihan dan kejelasan leksikal, tetapi keberkesanan lakuan bahasa juga bergantung pada pemilihan ayat yang pendek, ringkas dan mudah difahami. Ayat yang pendek dan ringkas lebih mudah untuk difahami makna sebenar hajat komunikatif penutur kerana ayat yang pendek akan membuatkan sesuatu perkara relevan kepada pendengar. Penerapan dan penggunaan ayat yang mudah difahami dilihat amat berkepentingan, terutamanya dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Namun begitu, kebanyakan dialog dalam filem menggunakan ayat yang panjang, kompleks dan meleret sehingga menyebabkan pendengar hilang fokus terhadap maklumat yang hendak disampaikan. Timbul masalah untuk memahami maklumat dan hajat komunikatif yang disampaikan. Hal ini sejajar dengan kenyataan Olga Dontcheva-Navratilova (2015), Cerny (2017) mengatakan bahawa pemilihan leksikal, ayat pendek dan ringkas dalam sesuatu lakuan bahasa lebih cenderung menjadi lebih jelas dan lebih mudah difahami berbanding dengan ayat yang panjang dan kompleks. Ayat yang pendek dan ringkas dalam lakuan bahasa lebih mudah untuk difahami makna sebenar hajat komunikatif penutur. Penggunaan bahasa yang jelas adalah penting dalam filem agar plot yang berkembang dapat disampaikan dan difahami. Justeru itu, lakuan bahasa yang menggunakan ayat yang pendek dan ringkas dalam menyampaikan hajat komunikatif lebih mudah difahami dan memberi kesan kepada pendengar.

Objektif Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menyenaraikan satu objektif kajian yang utama, iaitu;

1. Menganalisis lakuan bahasa dalam filem Nordin Ahmad menggunakan Teori Lakuan Bahasa Searle (1969)

2. Sorotan Kajian

Abd. Ganing Laengkang (2018) menjalankan penyelidikan yang bertajuk "Analisis Lakuan Bahasa Terhadap Teks Khutbah Jumaat Negeri Selangor" mendapati tiga kategori lakuan dan 13 subkategori yang digunakan dalam teks khutbah jumaat. Penyelidikan ini menggunakan pengkategorian Bach & Harnish (1979) bertujuan untuk menganalisis lakuan bahasa teks khutbah jumaat yang diterbitkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Jumlah kekerapan yang didapati dalam teks khutbah jumaat adalah sebanyak 341. Lakuan bahasa yang paling kerap digunakan dalam teks khutbah jumaat ialah lakuan bahasa nasihat (83), lakuan deskriptif (61), lakuan makluman (42), dan lakuan penegasan (41). Penyelidikan ini menunjukkan bahawa khutbah jumaat bersifat nasihat dan deskriptif. Kajian yang dijalankan sarjana ini mempunyai kelebihannya yang tersendiri, terutamanya dari sudut bidang penyelidikan yang dijalankan, iaitu menggunakan teks khutbah sebagai bahan kajian. Banyak kajian mengenai lakuan bahasa dijalankan seperti kajian antara budaya, sesi kaunseling, mesyuarat, namun kajian yang memperlihatkan sesuatu lakuan bahasa yang sudah tersedia seperti juga filem belum banyak diterokai.

Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof dan Karim Harun (2017) menjalankan penyelidikan yang bertajuk "Analisis Lakuan Bahasa Direktif Guru Pelatih dalam Komunikasi di Bilik Darjah" mendapati lakuan bahasa yang paling kerap digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah lakuan direktif yang ditranskripsikan secara verbatim dan dianalisis menggunakan teori lakuan pertuturan dan komunikasi Bach & Harnish (1979). Kajian menunjukkan ujaran direktif responden terdiri daripada subkategori lakuan bahasa direktif permintaan, pertanyaan, keperluan, larangan, permisif dan nasihat. Kajian ini juga mendapati dalam subkategori lakuan bahasa direktif berbentuk keperluan terdiri daripada ayat suruhan paling kerap diujarkan oleh guru pelatih. Hal ini kerana direktif keperluan dapat menyerlahkan kewibawaan dan ketegasan penutur kepada pendengar. Kajian yang dijalankan dilihat mempunyai beberapa kelompangan dari sudut dapatan. Untuk mencapai matlamat komunikasi, faktor lakuan bahasa dilihat memainkan peranan penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat, idea, arahan dan sebagainya. Keberkesanan komunikasi tidak hanya bergantung pada satu lakuan bahasa, tetapi merangkumi keseluruhan lakuan bahasa. Dalam komunikasi antara guru dengan pelajar, mustahil untuk guru hanya menggunakan lakuan bahasa direktif berbanding dengan lakuan bahasa yang lain. Jika penggunaan lakuan direktif dijadikan fokus dalam pengajaran sahaja, matlamat komunikasi kurang berjaya.

Cerny (2017) menjalankan penyelidikan yang bertajuk *"On the Function of Speech Acts in Doctor – Patient Communication"* mendapati lakuan bahasa yang digunakan dalam komunikasi antara doktor dengan pesakit ialah lakuan pertanyaan, namun lakuan yang paling kerap diujarkan oleh pendengar ialah lakuan asertif makluman. Dalam penyelidikan ini, beliau menggunakan Teori Lakuan Bahasa Searle (1969) yang merumuskan kepada lima kategori, iaitu penyataan, pertanyaan, jawapan, direktif dan reaktif. Selain itu, kebanyakan direktif pertanyaan yang digunakan merupakan bentuk pertanyaan tertutup yang mengehendaki pendengar menjawab menggunakan jawapan yang pendek dan tepat. Kajian yang dijalankan ini memberikan manfaat dari sudut dapatan kajian, iaitu bahasa yang diperoleh menggunakan ayat yang pendek, ringkas dan padat dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Penggunaan ayat yang pendek, ringkas dan padat membantu pendengar untuk memahami niat komunikatif penutur di samping mengelakkan salah faham.

Penyelidikan yang bertajuk *"How to Develop Appropriate Refusal Strategies"* oleh Zohreh Rasekh Eslami (2017) mendapati lakuan penolakan merupakan lakuan yang paling sukar untuk diujarkan dan kebiasaannya melibatkan pelbagai strategi bagi mengelakkan pendengar daripada tersinggung. Penyelidikan yang dijalankan ini bertujuan untuk melihat penggunaan strategi penolakan dalam lakuan bahasa. Teori yang digunakan dalam penyelidikan ini menggunakan strategi penolakan Beebe et al (1990). Penyelidikan ini juga mendapati bahawa lakuan penolakan amat berjaya digunakan kepada pelajar yang mempelajari bahasa sebagai bahasa kedua. Hasil kajian mendapati bahawa strategi penolakan secara langsung sering digunakan dalam menolak sesuatu pelawaan, pertanyaan dan penyataan, manakala strategi penolakan secara tidak langsung digunakan dalam menolak pujian, pelawaan, ajakan dan penawaran. Berbekalkan maklumat linguistik, lakuan penolakan berjaya dicapai yang memerlukan kecekapan pragmatik yang tinggi berbanding matlamat bahasa sesuatu lakuan bahasa.

Kajian yang dijalankan oleh Ardita Dylgjeri (2017) yang bertajuk *"Analysis of Speech Acts in Political Speeches"* mendapati teori lakuan bahasa telah menjadi revolusi besar dalam perkembangan pragmatik sebagai satu disiplin. Hasil dapatan mendapati lakuan bahasa tidak dapat dikaji sepenuhnya tanpa mengambil kira analisis wacana. Tidak dinafikan, wacana politik telah menjadi domain utama penggunaan bahasa yang telah menarik minat para penyelidik. Ini adalah kerana wacana politik merupakan aktiviti manusia yang kompleks yang memerlukan kajian

kritikal, terutamanya kedudukan yang utama dalam organisasi dan pengurusan masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik peranan bahasa dalam komunikasi dan tafsiran niat dengan mengkaji ucapan politik terpilih sebagai sebahagian daripada wacana dengan matlamat tertentu. Kajian ini memanfaatkan teori lakuan bahasa Searle (1969) dalam menganalisis data yang diperoleh. Kekuatan daripada penyelidikan ini dapat dilihat melalui ucapan ahli politik yang disampaikan mencerminkan ideologi, pemikiran, dan niat komunikatifnya kepada pendengar melalui lakuan bahasa dalam mempengaruhi pendengar.

3. Metodologi Kajian

Data utama kajian ini merupakan filem Melayu lakonan Nordin Ahmad antara tahun 1956 hingga 1962, iaitu filem Semerah Padi (Seterusnya FSP), Hang Jebat (FHJ), Seri Mersing (FSM) dan Lancang Kuning (FLK). Pemilihan filem tersebut adalah kerana kualiti dan penggunaan bahasanya yang indah dan berpengaruh (Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2019). Pemilihan tahun (1956 hingga 1962) dibuat adalah kerana pada tahun tersebut nama dan filem yang dilakonkan membuatkannya kembali bersinar dan memuncak (Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2019). Daripada 19 buah filem yang dilakonkan sepanjang tempoh tersebut, empat buah filem yang membuatkan namanya terus menyinar dan memberi kesan sehingga kini, iaitu FSP (1956), FHJ (1961), FSM (1961) dan FLK (1962) (Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2019). Pemilihan keempat-empat buah filem adalah berdasarkan sampel daripada populasi filem terkenal yang dilakonkannya dari tahun 1956 hingga 1962.

Penyelidikan ini mengaplikasikan dua metod yang utama, iaitu kaedah analisis teks dan kaedah kualitatif. Neuman (2006), Leedy & Ormrod (2001) dan Liamputtong (2014) mengatakan kaedah analisis teks melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan yang berkaitan penyelidikan. Sumber utama yang digunakan terdapat dalam bentuk bertulis antaranya, buku, jurnal, artikel, akhbar, kertas kerja seminar dan latihan ilmiah. Analisis teks dalam penyelidikan ini melibatkan pemilihan watak yang menuturkan lakuan pertuturan bagi menjadikan fokus kajian. Pengkategorian dibuat dengan memilih dialog yang diujarkan oleh watak. Dialog tersebut dikeluarkan dan akan melalui proses pelabelan atau pengekodan. Tujuan pengekodan adalah untuk memudahkan lagi proses pengenalpastian data. Penyelidikan ini hanya memfokuskan lakuan pertuturan dalam dialog. Kaedah kualitatif diaplikasikan apabila dapatan dianalisis dan dihurai menggunakan pendekatan pragmatik kerana pragmatik merupakan penyelidikan penggunaan bahasa berdasarkan konteks (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2002). Keberkesanan sesuatu ujaran yang dipersembahkan memerlukan bukan sahaja pemetaan antara bentuk dengan makna, malah antara bentuk dengan konteks sosial serta perhubungan antara bentuk dengan fungsi. Hal ini bermakna, keberkesanan sesuatu ujaran itu bukan sahaja bergantung pada kebolehan linguistik penutur, tetapi juga bergantung pada kebolehan pragmatik dan sosiobudaya mereka. Dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan lakuan bahasa yang tertinggi penggunaannya dalam filem Melayu terpilih, iaitu lakuan direktif dan asertif.

Teori Lakuan Pertuturan

Searle (1969) mengatakan bahawa lakuan bahasa sebagai perkataan atau ungkapan yang dilafazkan oleh penutur bagi melambangkan sesuatu perbuatan sama ada mencadang, melulus, menyatakan niat, menyampaikan makluman, bersetuju dan perbuatan lain. Searle (1969) mengemukakan lima

kategori yang penting dalam teori lakuan bahasa, iaitu asertif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif. Penjelasan mengenai teori lakuan bahasa adalah seperti di bawah.

1. Direktif

Jenis perlakuan tuturan bahasa yang menggambarkan usaha penutur untuk membuatkan pendengar melakukan sesuatu. Direktif digunakan untuk menghasilkan kesan tertentu melalui lakuan yang dibuat oleh pendengar: menyuruh, memerintah, memohon, menasihati, dan mengesyorkan merupakan beberapa contoh kategori ini. Direktif selalunya tergolong dalam kategori bersaing dan merupakan kategori ilokusi yang mementingkan kesopanan negatif. Paradigmatik yang tergolong dalam lakuan ini ialah pertanyaan, permintaan, arahan, permisif, dan nasihat.

2. Asertif

Jenis perlakuan tuturan bahasa yang mengikat penutur kepada kebenaran proposisi. Paradigmatik dalam lakuan ini ialah makluman, penyataan, laporan, perdebatan, dan pengakuan. Dalam melaksanakan perlakuan tuturan bahasa ini, penutur mewakili dunia yang menurut apa yang dipercayainya lantas menjadikan kata-kata sesuai dengan kepercayaannya.

3. Ekspresif

Perlakuan tuturan bahasa yang menunjukkan sikap psikologi atau mood penutur. Ekspresif digunakan untuk mengungkapkan atau menyerlahkan sikap psikologi penutur terhadap sesuatu keadaan tertentu yang dipraandaikan oleh ilokusi: penerimaan, pengesahan, sapaan, permohonan maaf, terima kasih, dan simpati. Ilokusi ini selalunya bersifat ramah-tamah, namun sebaliknya juga benar, misalnya bagi ekspresif menyalahkan orang lain dan menuduh. Paradigmatik dalam lakuan ini termasuklah penerimaan, pengesahan, sapaan, permohonan maaf, terima kasih dan simpati.

4. Komisif


Jenis perlakuan tuturan bahasa yang mengikat penutur kepada sesuatu tindakan pada masa akan datang bagi melahirkan niat penutur untuk melaksanakan sesuatu. Lakuan ini biasanya jenis beramah-tamah dan bukannya lakuan bersaingan oleh sebab dilakukan bagi pihak seseorang selain penutur. Kes paradigmatik termasuklah penawaran, perjanjian, penolakan.

5. Deklaratif

Perlakuan tuturan bahasa yang memberikan perubahan segera dalam sesuatu keadaan semasa. Dalam melaksaanakan perlakuan ini, penutur membawa perubahan kepada dunia, memberikan keselarian antara kandungan proposisional dengan dunia. Kes paradigmatik ternasuklah pengisytiharan, menjatuhkan hukuman, menyingkirkan, memecat dan menamakan calon.

4. Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan dapatan keseluruhan penyelidikan ini, penyelidik mendapati sebanyak 1391 lakuan bahasa yang terdapat dalam ujaran yang digunakan pada keempat-empat buah filem. Sebanyak 442 lakuan pertuturan direktif, 671 lakuan pertuturan asertif, 176 lakuan pertuturan ekspresif, 96 lakuan pertuturan komisif dan 6 lakuan pertuturan deklaratif. Perhatikan carta pai di bawah.



Rajah 1. Lakuan Pertuturan dalam Filem Nordin Ahmad

Berdasarkan Rajah 1, menunjukkan lakuan bahasa memainkan peranan penting dalam penyampaian maklumat. Lakuan asertif merupakan lakuan yang kerap digunakan dalam filem, iaitu dalam menyampaikan makluman, laporan, penyataan, pengakuan dan perdebatan yang mempunyai proposisi nilai-benar. Lakuan direktif juga paling kerap digunakan kerana lakuan ini menunjukkan kekuasaan yang ada pada penutur untuk pendengar melakukan sesuatu sejajar dengan niat komunikaitf penutur. Lakuan ekspresif merupakan lakuan ketiga yang kerap digunakan, diikuti lakuan komisif dan deklaratif.

Lakuan Direktif

Lakuan bahasa direktif merupakan ekspresi sikap penutur terhadap tindakan yang akan dilakukan oleh pendengar (Searle, 1969). Pendengar melaksanakan apa yang dihajatkan oleh penutur atas dasar kepercayaan pendengar terhadap apa yang diujarkan oleh penutur sehingga tindakan itu menjadi konstatif. Searle (1969) telah mengkategorikan lakuan bahasa direktif kepada beberapa subkategori, namun dalam konteks kajian ini subkategori yang diperoleh adalah seperti berikut;

1. Pertanyaan
2. Permintaan
3. Permisif
4. Arahan
5. Nasihat

Dalam konteks kajian ini, pelbagai bentuk lakuan bahasa direktif telah diujarkan oleh watak ketika berkomunikasi dengan watak yang lain dalam filem. Data menunjukkan ujaran direktif terdiri daripada subkategori pertanyaan, permintaan, permisif, arahan dan nasihat. Lakuan bahasa direktif pertanyaan mempunyai nilai kekerapan yang tertinggi, iaitu sebanyak 281, permintaan sebanyak 67, Permisif (45), Arahan (26) dan nasihat (23). Perhatikan carta pai di bawah yang menunjukkan penggunaan lakuan bahasa direktif dalam filem Melayu terpilih.



Rajah 2. Lakuan Pertuturan Direktif

Rajah 2 menunjukkan lakuan bahasa direktif pertanyaan mendominasi lakuan bahasa direktif yang lain. Penggunaan lakuan bahasa direktif pertanyaan dalam perbualan watak filem menunjukkan hubungan komunikasi antara watak dapat dibentuk melalui pertanyaan dan jawapan. Papafragou & Musolino (2013) mengatakan bahawa lakuan tanya-jawab merupakan lakuan yang lazim diujarkan semasa komunikasi untuk memperoleh pelbagai tujuan. Lakuan pertanyaan tidak hanya bertindak sebagai satu bentuk pertanyaan, namun lakuan ini juga boleh bertindak sebagai satu bentuk arahan, penyataan, permintaan dan permisif (Solesa-Grijak, 2013).

Pertanyaan

Dalam konteks kajian ini, direktif pertanyaan merupakan kategori yang mempunyai kekerapan tertinggi, iaitu 281. Direktif pertanyaan merupakan lakuan yang diujarkan oleh penutur agar pendengar melakukan sesuatu, iaitu memberikan jawapan sama ada secara tertutup ataupun terbuka (Searle, 1969). Kata kerja yang sering ditandai dalam direktif pertanyaan adalah menggunakan kata atau ayat tanya. Kata atau ayat tanya yang terdapat dalam bahasa Melayu antaranya, ‘apa’, ‘mana’, ‘bagaimana’ dan ‘kenapa’. Jadual di bawah merupakan data yang mengandungi direktif pertanyaan dalam filem Nordin Ahmad.

Jadual 1. Pertanyaan dalam Filem Nordin Ahmad

Filem				**Ujaran**
FSM	D1	U1	Damak	**Mengapa kau menolak kayu aku, Awang?**
		U2	Awang	Kerana kau anak dagang tak sedar diri.
		U3	Damak	Aku sedar diri, Awang. **Mengapa kau buat aku begitu?**
		U4	Awang	Kerana kau nak menunjuk kekuatan di hadapan Seri. Kau nak memikat hati dia, ya. Kau mengalahkan Tambak. Kau benam-benamkan dia dalam air. Sebab itu aku buat begini.

Jadual 1 merupakan direktif pertanyaan berdasarkan ayat yang ditandai kata ‘mengapa’ yang digunakan merujuk kepada pertanyaan. Dalam membuat pertanyaan, penutur tidak hanya menyatakan hasrat secara literal, namun penutur menggunakan ayat tanya untuk menyatakan pelbagai hasrat, antaranya untuk mengarah, untuk menyampaikan tindakan asertif, menyampaikan tindakan direktif, dan menyatakan tindakan ekspresif (Searle, 1969). Sejajar dengan itu, D1 merupakan satu bentuk ayat pertanyaan yang menuntut pendengar melakukan sesuatu, iaitu memberi maklumat.

Jika dilihat D1 U1, penutur mengemukakan satu persoalan yang memerlukan pendengar memberikan makluman dan dibalas oleh pendengar melalui ujaran U2 merupakan satu bentuk komunikasi tanya-jawab. Melalui direktif pertanyaan U1, Damak telah mengujarkan ujaran yang mengehendaki pendengar melakukan tindakan, iaitu memberikan jawapan. Atas dasar ini, komunikasi dilihat sebagai percubaan penutur untuk mengubah persekitaran kognitif orang lain sebagai pendengar. Serentak dengan itu, ujaran U3 merupakan pertanyaan untuk kepastian terhadap perbuatan pendengar yang mengarah pendengar memberikan tindak balas terhadap pertanyaannya. Tindak balas yang diberikan oleh pendengar, iaitu melalui U4 merupakan satu bentuk lakuan asertif makluman yang disampaikan berdasarkan kepercayaan terhadap tindakannya.

Ujaran Damak (U1 dan U3) dan ujaran Awang (U2 dan U4) didapati kedua-dua penutur dan pendengar memahami mesej yang disampaikan lalu berlangsungnya komunikasi. Pertanyaan yang diujarkan oleh Damak (U1 dan U3) difahami dan diberikan tindak balas oleh Awang (U2 dan U4) sesuai dengan hajat Damak yang menginginkan kepastian terhadap tindakan Awang kepadanya. Pertanyaan Damak dalam U1 merupakan satu bentuk pertanyaan terbuka yang mengehendaki pendengar menjawab pertanyaan. Tindak balas yang diberikan oleh Awang, iaitu dalam U2 merupakan satu jawapan yang berbentuk asertif penyataan. Walaupun jawapan yang diberikan oleh Awang mempunyai nilai benar, namun Damak tidak berpuas hati terhadap jawapan yang diberikan. Oleh yang demikian, Damak mengujarkan pertanyaan yang sama bagi menuntut kepastian terhadap pelakuan Awang kepadanya melalui ujaran U3. Jawapan Awang dalam U4 merupakan lakuan asertif makluman, iaitu Awang menjelaskan pelakuannya kepada Damak berdasarkan kepercayaannya.

Lakuan direktif pertanyaan yang diujarkan berturut-turut oleh Damak dapat memberikannya maklumat yang diperlukan, walaupun pada mulanya Awang enggan untuk menyatakan tujuan sebenarnya. Senada dengan itu, Travis (2015) mengatakan manusia suka membuat spekulasi terhadap apa-apa yang diujarkan oleh orang lain. Spekulasi seperti ini menghasilkan beberapa andaian. Pendengar akan membina andaian dan kemudian memproses andaian tersebut sebagai wacana awalan. Andaian yang relevan dengan maklumat yang diperoleh pendengar membolehkan pendengar memproses makna tersebut dengan cepat seperti dalam ujaran Damak. Searle (1969) mengatakan direktif pertanyaan ini melahirkan keinginan penutur supaya pesapa membuat sesuatu. Penutur berniat untuk membuatkan pesapa bertindak dalam jangkaan masa depan, lantas membuatkan dunia memadankan kata-kata melalui pesapa (Searle, 1969).

Permintaan

Lakuan direktif permintaan dalam konteks penyelidikan ini merupakan paradigmatik lakuan direktif yang kedua paling kerap digunakan selepas direktif pertanyaan, iaitu sebanyak 67 kekerapan. Penggunaan direktif permintaan yang digunakan dalam filem ini memperlihatkan peserta komunikasi menggunakan lakuan permintaan dalam variasi peristiwa. Penggunaan lakuan direktif permintaan dalam peristiwa bahasa juga dapat memperlihatkan kesinambungan bahasa yang digunakan semasa memohon sesuatu sama ada meminta pertolongan atau meminta sesuatu perkara yang lain. Searle (1969) mengatakan bahawa direktif permintaan digunakan oleh penutur, dimaksudkan untuk meminta sesuatu dengan hormat kepada pendengar. Leksikal yang biasa digunakan dalam mengujarkan permintaan antaranya, minta, mohon, boleh, dan tolong. Perhatikan jadual di bawah yang mengandungi direktif permintaan.

Jadual 2. Permintaan dalam Filem Nordin Ahmad

Filem				Ujaran
FHJ	D2	U5	Dang Baru	**Alangkah bahagia nasibku seandainya disunting sebelum layu ditangkai.**
		U6	Jebat	Adikku, kebahagiaan hidupku hanyalah di sampingmu.
		U7	Dang Baru	Ya, bang Jebat. **Tetapi diriku ini jangan disia-siakan.**
		U8	Jebat	Tidak, Dang. Aku janji. Jangan bimbang. Buruk dan baik kan kutanggung.
FLK	D3	U9	Yahya	Teratai, **sepeninggalanku tengok-tengokkanlah Telani, dan datang-datanglah ke rumah selalu.**
		U10	Telani	Insya Allah, bang.

Berdasarkan Jadual 2, direktif permintaan yang diujarkan adalah secara tidak langsung, iaitu menyatakan permintaan secara tidak terus terang atau tidak menyebut kata kerja modalitas seperti 'minta' dan sebagainya (Searle, 1969). Jadual 2 menunjukkan ujaran Dang Baru pada U5 merupakan satu permintaan yang diujarkan kepada pendengar. Pengenalpastian terhadap permintaan terdapat pada leksikal 'alangkah' dan 'seandainya'. Penggunaan leksikal tersebut merupakan satu bentuk permintaan dan harapan kepada pendengar mengenai hajat komunikatifnya. Penggunaan leksikal seperti 'alangkah' dan 'seandainya' merupakan satu bentuk ayat harapan yang dinyatakan oleh ayat yang mengandungi kata harapan dalam struktur dengan syarat gatra harapan diisi oleh salah satu kata harapan (Asmah Haji Omar, 2009). Walau bagaimanapun, leksikal tersebut tidak diterjemah secara literal, tetapi dilihat menerusi penggunaan konteks dalam ayat yang lebih menjurus kepada lakuan permintaan. Hal ini dapat dilihat pada leksikal yang lain, iaitu yang terdapat pada 'disunting sebelum layu' merupakan satu bentuk bahasa kiasan yang memperlihatkan lakuan permintaan. Jika diteliti ujaran yang diujarkan dan respon daripada pendengar, dapatlah difahami bahawa ujaran penutur merupakan satu bentuk direktif permintaan yang mengehendaki pendengar melakukan sesuatu seperti yang dihajati.

Respon daripada pendengar, iaitu 'kebahagiaan hidupku hanyalah di sampingmu' merupakan satu bentuk lakuan perjanjian yang diujarkan secara tidak langsung. Daripada urutan komunikasi ini, dapatlah difahami bahawa ujaran lakuan permintaan yang terdapat dalam U6 diujarkan secara tidak langsung, walaupun secara literalnya ujaran tersebut merupakan satu bentuk pengharapan melalui leksikal yang digunakan. Adolps (2018) mengatakan bahawa pentafsiran makna dalam lakuan bahasa tidak hanya melihat kepada bahasa literal, tetapi turut melihat kepada keseluruhan penggunaan bahasa dan konteks yang hendak disampaikan. Berdasarkan D2, lakuan yang digunakan merupakan lakuan bahasa permintaan secara tidak langsung. Sebagai contoh, D2, melalui lakuan direktif permintaan U5, Dang telah mengujarkan ujaran yang mengikat pendengar kepada suatu lakuan. Ujaran direktif permintaan oleh Dang ini kemudiannya difahami oleh Jebat yang membalas ujaran tersebut melalui ujaran komisif perjanjian dalam U6 merupakan lakuan komisif ikrar atau janji yang mengikat penutur kepada sesuatu tindakan pada masa akan datang. Daripada ujaran yang berbentuk janji oleh Jebat, Dang telah menyatakan niatnya kepada Jebat secara implisit melalui ujaran dalam U7, iaitu satu bentuk lakuan direktif yang menggambarkan usaha penutur untuk membuatkan pendengar melakukan sesuatu. Niat yang diujarkan oleh Dang ini kemudiannya difahami oleh Jebat melalui ujaran komisif berjanji atau ikrar dalam U8 yang merupakan lakuan komisif yang mengikat penutur kepada sesuatu tindakan pada masa akan datang.

Permisif

Dalam konteks kajian ini, lakuan permisif mempunyai nilai kekerapan yang sederhana, iaitu sebanyak 45. Penggunaan strategi direktif permisif juga menjadi satu bentuk bahasa yang diperoleh dan digunakan dalam komunikasi watak dalam filem. Bach & Harnish (1979) mengatakan bahawa strategi direktif permisif memberi kebebasan kepada pendengar melakukan sesuatu. Lakuan ini berlaku apabila penutur memberikan atau membenarkan pendengar melakukan sesuatu berdasarkan kekuasaan yang ada pada penutur ke atas pendengar (Bach & Harnish, 1979).

Lakuan permisif yang dikenal pasti dalam ujaran watak filem menggunakan kata kerja performatif yang membawa maksud niat komunikatif penutur terhadap perlakuan bersetuju, membenarkan, memberi kebenaran, memberkati, meleraikan, mengabulkan, mengizinkan, melepaskan, kelulusan dan memberi kuasa (Searle, 1969). Contoh ujaran di bawah merupakan ujaran yang digunakan oleh watak dalam filem yang mengandungi direktif permisif.

Jadual 3. Permisif dalam Filem Nordin Ahmad

Filem				**Ujaran**
FSM	D3	U9	Damak	Sebab itu dua hari ini saya tidak nampak Pak Malau. Rupanya Pak Malau ke sana.
		U10	Malau	Baiklah, Damak. Kalau begitu, **biarlah aku balik dulu.**
FHJ	D4	U11	Dang Baru	Malam telah larut. **Izinkanlah Dang pulang.**
		U12	Jebat	Oh, ya. Takku sedar masa telah berlalu. Silakan Dang kusayang.

Jadual 3 merupakan ujaran yang diujarkan oleh watak filem ketika berkomunikasi dalam satu peristiwa bahasa. Ayat yang diujarkan ini dikategorikan sebagai direktif permisif kerana niat komunikatif penutur meminta kebenaran untuk beransur pulang seperti dalam U10 dan U11. Searle (1969) mengatakan direktif permisif merupakan satu bentuk lakuan yang santun dalam meminta sesuatu, terutamanya dalam meminta keizinan. Walaupun leksikal yang dinyatakan ini memperlihatkan satu penolakan, namun dalam sesuatu budaya, terutamanya budaya Barat leksikal tersebut merupakan satu bentuk lakuan permisif. Kata kerja performatif diujarkan secara eksplisit dalam ujaran U10 dan U11, iaitu 'biarlah aku balik dulu' dan 'izinkanlah Dang pulang'. Penggunaan kata kerja ini mudah difahami dengan adanya penegasan dan alasan yang diberikan semasa meminta kebenaran, iaitu ditandai oleh perkataan 'balik dulu' dan 'pulang'. Kedua-dua perkataan 'balik dulu' dan 'pulang' merupakan adverba kepada ayat. U10 dan U11 merupakan ayat adverba syarat yang diujarkan oleh penutur dalam lakuan permisif. Hal ini dilihat menerusi syarat yang dikenakan pada ayat semasa meminta kebenaran untuk beransur pulang. Asmah Haji Omar (2009) mengatakan bahawa adverba syarat menyatakan syarat yang dikenakan untuk berlakunya perbuatan. Adverba ini didukung oleh klausa yang ditandai oleh kata hubung, jika, kalau, jikalau, andaikata, sekiranya dan sebagainya.

Berdasarkan Jadual 3, ujaran yang diujarkan oleh penutur mengandungi ujaran eskplisit. Hal ini jelas dapat dilihat pada leksikal yang digunakan, iaitu leksikal yang membawa makna perkataan itu yang sebenar. Jadual 3 merupakan ujaran eksplisit dalam menyampaikan niat penutur kepada pendengar. Dalam Jadual 3 D3 sebagai contohnya, ujaran penutur yang diujarkan jelas menunjukkan ujaran eksplisit seperti U10 dan U11. Dalam D4 sebagai contohnya, melalui lakuan asertif, Damak telah mengujarkan ujaran yang memperlihatkan aspek laporan seperti 9 dan respon yang diberikan oleh pendengar merupakan satu bentuk permisif seperti U10. Lakuan asertif dalam

U9 merupakan satu penyataan laporan penutur yang disampaikan secara eksplisit dan ujaran ini mudah difahami oleh Pak Malau dalam U10 merupakan satu bentuk lakuan permisif yang mengehendaki pendengar melakukan sesuatu tindakan, iaitu mengizinkan permintaannya ataupun tidak.

Arahan

Dalam konteks kajian ini, lakuan arahan mencatat nilai kekerapan sebanyak 26 daripada keempat-empat buah filem. Jumlah ini merupakan jumlah yang sedikit berdasarkan faktor penggunaannya yang dipengaruhi oleh jarak sosial seseorang. Searle (1969) mengatakan bahawa direktif arahan merupakan satu bentuk lakuan yang mengehendaki pendengar melakukan sesuatu secara drastik dan lakuan ini sering digunakan oleh mereka yang mempunyai status sosial yang lebih tinggi. Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2002) pula mengatakan bahawa arahan mempunyai komponen makna kerahan, kewajipan, paksaan, preskripsi, perintah, suruhan, dan tekanan. Lakuan arahan ini sering kali digunakan oleh seseorang yang mempunyai kuasa, kedudukan dan status yang lebih tinggi berbanding pendengar (Awang Sariyan, 2007). Oleh yang demikian, lakuan arahan yang diperoleh dalam penyelidikan ini sering kali digunakan oleh pembesar, Sultan, dan Penghulu. Penggunaan lakuan arahan ini mempunyai pelbagai bentuk dan tujuan, antaranya bertujuan untuk menjatuhkan hukuman, melakukan sesuatu pekerjaan dan menolak sesuatu perkara. Perhatikan jadual di bawah yang mengandungi direktif arahan yang terdapat dalam filem Melayu terpilih.

Jadual 4. Arahan dalam Filem Nordin Ahmad

Filem				**Ujaran**
FHJ	D5	U12	Sultan	**Tuah mesti dibunuh**
		U13	Bendahara	Ampun tuanku
		U14	Sultan	**Jalankan perintah beta**
		U15	Bendahara	Ampun tuanku, sembah patik harap diampun. Patik pohonkan janganlah ke bawah duli pacal Hang Tuah di dalam murka, Tuanku. Ampun tuanku.
		U16	Sultan	Tidak. Tidak Bendahara. **Apa yang beta telah kata tidak akan berginjak dari maksudnya.**
		U17	Bendahara	Ampun tuanku. Mudah ke bawah duli sangat benar, tetapi pada pendapat patik hukuman dari seorang raja itu, tuanku hendaklah dengan neracanya yang bijak, tuanku. Jika tidak, tak ubah seperti kebun tidak berpagar, tuanku. Ampun tuanku.

Penginterpretasian lakuan bahasa Jadual 4 di atas, melalui direktif arahan, U12 menyatakan arahannya kepada pendengar yang mengarah kepada satu tindakan. U13 menunjukkan bahawa pendengar menerima arahan tersebut berupa satu penerimaan melalui ujaran ‘ampun tuanku’. Atas dasar ini, komunikasi yang berlangsung dilihat sebagai percubaan penutur untuk menerima persekitaran kognitif orang lain sebagai pendengar, dan dengan itu membuka ruang lingkup terhadap suatu yang diperkatakan itu saling nyata kepada penutur dengan pendengar (Searle, 1969). Serentak dengan itu, U14 merupakan lakuan arahan yang menegaskan kepada arahan yang pertama, iaitu menuntut pendengar melakukan sesuatu tindakan. Ujaran Sultan dalam U14 difahami dan dibalas oleh Bendahara melalui U15 merupakan satu tindakan lakuan komisif penolakan secara tidak langsung menggunakan penolakan beralasan (Holdcroft, 2014). Dalam U16, Sultan menolak ujaran penolakan daripada Bendara dalam U16 dan berkeras dengan arahannya merupakan satu penolakan secara langsung menggunakan kata nafi ‘tidak’.

Penolakan yang dilakukan pada U16 difahami dan dibalas oleh Bendahara melalui ujarannya dalam U17 merupakan satu bentuk bahasa nasihat yang menuntut pendengar melakukan sesuatu tindakan sama ada mendengar nasihatnya ataupun tidak. Justeru itu, dengan berbekalkan konteks ujaran di atas, lakuan arahan menuntut pendengar melakukan tindakan, walaupun hajat komunikatif penutur direalisasikan secara paksa, namun respon daripada lakuan arahan tersebut dilihat sebagai satu perkara yang menarik. Berdasarkan pemahaman ujaran, frasa dan leksikal yang diujarkan penutur, pendengar dapat menginterpretasi ujaran tersebut sebagai ujaran lakuan arahan yang mengehendakinya melakukan sesuatu berdasarkan respon yang diberikan.

Lakuan Asertif

Asertif merupakan lakuan yang diujarkan oleh penutur berdasarkan kepercayaan, pemahaman, dan sebagainya yang mempunyai sudut penilaian benar. Searle (1969) menjelaskan lakuan asertif ini merupakan satu jenis perlakuan tuturan bahasa yang mengikat penutur kepada kebenaran proposisi yang dilahirkan dan oleh itu mempunyai nilai-benar. Lakuan ini mengungkapkan kepercayaan penutur. Searle (1969) telah mengklasifikasikan kes paradigmatik yang tergolong dalam lakuan ini, antaranya;

1. Makluman
2. Penyataan
3. Laporan
4. Perdebatan
5. Pengakuan

Dalam melaksanakan perlakuan tuturan bahasa jenis ini, penutur mewakili dunia yang menurut apa yang dipercayainya, lantas menjadikan kata-kata sesuai dengan kepercayaannya mengenai dunia. Lakuan asertif yang diperoleh daripada penyelidikan ini merupakan lakuan yang paling dominan digunakan, iaitu sebanyak 671 kekerapan. Lakuan makluman merupakan kes paradigmatik yang paling kerap digunakan berbanding dengan yang lain, iaitu sebanyak 262 kekerapan, diikuti oleh penyataan sebanyak 248 dan 63 kekerapan bagi lakuan laporan. Lakuan perdebatan mencatat kekerapan sebanyak 50 dan lakuan pengakuan hanya mencatat 48 kekerapan. Hal ini menunjukkan bahawa dalam filem, penyampaian sesuatu maklumat itu amat penting untuk mengembangkan cerita, menyelesaikan masalah, merungkai dan meleraikan plot. Kesemua penceritaan dalam filem mementingkan makluman untuk menyampaikan falsafah, pemahaman, pemikiran dan ideologi. Idea yang terdapat dalam filem diterjemahkan melalui makluman yang digunakan di samping penggunaan bahasa yang menentukan kes paradigmatik dan keberkesanan makluman tersebut disampaikan. Perhatikan carta pai di bawah yang menunjukkan kekerapan kes paradigmatik bagi lakuan asertif.



Rajah 3. Lakuan Asertif dalam Filem Nordin Ahmad

Makluman

Dalam konteks kajian ini, lakuan makluman mencatat lakuan yang paling kerap digunakan dalam keempat-empat buah filem, iaitu sebanyak 262 kekerapan. Makluman merupakan satu bentuk bahasa yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu perkara, menambah maklumat sedia ada atau maklumat baharu (Searle, 1969). Kreidler (2017) pula mengatakan bahawa asertif para penutur atau penulis menggunakan bahasa untuk menyatakan sesuatu berdasarkan pengetahuan atau kepercayaan terhadap sesuatu. Asertif makluman adalah berkaitan fakta. Tujuannya adalah untuk memberikan informasi dan lakuan ini berkaitan dengan pengetahuan, data, apa yang ada atau diadakan, atau telah terjadi atau tidak terjadi (Kreidler, 2017). Oleh itu, lakuan ini mempunyai nilai-benar atau biasanya dapat diverifikasi atau disalahkan.

Lakuan makluman cenderung bersifat subjektif kerana penutur bermaksud mengemukakan informasi berdasarkan pengertiannya terhadap informasi. Dalam menyampaikan sesuatu informasi, kebiasaannya ayat yang digunakan ialah ayat penyata. Nik Safiah Karim et al, (2015) mengatakan bahawa ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu penyataan. Ayat penyata mempunyai tujuan menyatakan, memberi makluman atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal. Asmah Haji Omar (2009) pula mengatakan bahawa ayat penyata ialah ayat yang tujuannya menyampaikan berita dan tidak mensyaratkan adanya gerak balas, sama ada bersifat kebahasaan ataupun bersifat perbuatan fizikal. Perhatikan jadual di bawah yang mengandungi lakuan bahasa asertif makluman yang terdapat dalam filem Melayu terpilih.

Jadual 5. Makluman dalam Filem Nordin Ahmad

Filem				**Ujaran**
FSM	D7	U18	Malau	Sekalipun kau menolak pengakuanku, tetapi aku tetap mengatakan kau adalah seorang pemuda yang pernah menabur budi kepada aku. **Aku ada hajat yang besar untuk kau, Damak.**
		U19	Damak	Sebelum saya menyampaikan hajat orang, Pak Malau, **saya terpaksa menyempurnakan hajat saya dulu**
		U20	Malau	Apakah hajat kau?
		U21	Damak	**Saya nak pulang ke Pahang**. Itulah hajat saya.

Jadual 5 memperlihatkan peristiwa bahasa yang berlaku antara penutur dengan pendengar. Peristiwa bahasa yang melatari komunikasi adalah berkaitan dengan ketidakpuasan hati dan

perdebatan. Dalam peristiwa bahasa seperti itu, penutur dan pendengar masih lagi dapat menyampaikan makluman yang diperlukan. Ujaran Malau dalam U18 merupakan satu bentuk asertif makluman. Ujaran ini merupakan satu informasi yang baharu kepada pendengar yang mengikat penutur kepada kebenaran. Ujaran Malau dalam U18 difahami dan dibalas oleh Damak dalam U19 melalui ujaran komisif menolak secara tidak langsung. Kearn (2014) mengatakan bahawa satu-satu lakuan bahasa tidak hanya mendukung satu bentuk lakuan bahasa, tetapi lakuan bahasa boleh digunakan untuk menyempurnakan atau membalas lakuan yang lain seperti menggunakan lakuan asertif untuk menolak.

Ujaran menolak Damak dalam U19 dibalas oleh Malau melalui satu bentuk pertanyaan dalam U20. U21 merupakan makluman yang diberikan oleh Damak yang berbentuk satu penyataan dan informasi baharu kepada Malau. Makluman yang disampaikan ini merupakan satu bentuk bahasa eksplisit yang disampaikan secara terus terang. Berbeza dengan ujaran dalam U19, iaitu lakuan makluman digunakan sebagai lakuan menolak merupakan satu bentuk lakuan bahasa secara tidak langsung. Menyatakan sesuatu secara tidak langsung terutamanya dalam lakuan menolak merupakan satu tindakan penjagaan air muka pendengar (Lindeman, 2013). Berdasarkan Jadual 5, dapat difahami bahawa lakuan makluman yang disampaikan adalah informasi baharu sejajar dengan hajat komunikatif penutur. Lakuan makluman juga boleh digunakan untuk menolak sesuatu perkara seperti yang berlaku dalam U19.

Penyataan

Lakuan penyataan merupakan subkategori asertif yang mencatat kekerapan kedua tertinggi, iaitu sebanyak 248 kekerapan dalam keempat-empat buah filem. Lakuan penyataan cenderung bersifat subjektif kerana penutur bermaksud mengemukakan sesuatu informasi atau menyatakan perkara-perkara yang dipercayainya. Lakuan penyataan ini juga mempunyai kebenaran proposisi dan mempunyai nilai-benar. Kebiasaannya lakuan penyataan ini ditandai atau menggunakan ayat penyata yang mudah difahami.

Franklin (2015) mengatakan bahawa lakuan penyataan kebiasaannya digunakan untuk menyampaikan maklumat, kepercayaan, fenomena dan pemula bicara yang menggunakan ayat penyata biasa. Nik Safiah Karim et al, (2015) pula mendefinisikan ayat penyataan sebagai ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu penyataan. Ayat penyata mempunyai tujuan menyatakan atau memberikan keterangan mengenai sesuatu hal. Oleh yang demikian, dalam lakuan penyataan, ujaran yang diujarkan mengandungi unsur-unsur keterangan sesuatu perkara atau maklumat baharu atau pengukuhan maklumat. Perhatikan jadual di bawah yang mengandungi lakuan asertif penyataan yang diperoleh daripada filem Melayu terpilih.

Jadual 6. Penyataan dalam Filem Nordin Ahmad

Filem				**Ujaran**
FSP	D8	U22	Dara	Ya, Bapak. **Daralah yang menyebabkan semua ini. Ampunkanlah Dara, bapak. Ampunkanlah Dara, bapak. Kerana cinta, kerana cinta Dara serahkan kehormatan, Dara berdosa, Dara berdosa, Dara melakukan perbuatan keji**. Menyesal, Dara menyesal, bapak.
		U23	Penghulu	**Walau seribu sesal kau sesalkan, namun noda tetap noda. Kusemai padi lalang menjadi, sekandang kerbau mengikut kata anak seorang mencolok mata.** Dengan siapa?

	U24	Aduka	Dengan saya. Pedang penebus dosa sudah sedia, saya rela mati daripada menanggung malu.

Melalui asertif, Dara telah mengujarkan ujaran yang memperlihatkan satu bentuk pengakuan yang dinyatakan menggunakan satu penyataan kepada Penghulu. Lakuan asertif U22 merupakan satu penyataan penutur yang disampaikan secara eksplisit dan ujaran ini difahami oleh Penghulu dalam U23 merupakan satu bentuk penyataan secara tidak langsung, iaitu satu bentuk peribahasa. Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2011) mengatakan bahawa peribahasa 'sekandang kerbau mengikut kata anak seorang mencolok mata' mempunyai makna memang sukar menjaga anak gadis. Penyataan yang diujarkan ini merupakan satu bentuk penyataan yang mempunyai nilai benar atau palsu. Ujaran tidak langsung yang terdapat dalam U23 merupakan satu bentuk penyataan bagi menjaga air muka atau maruah seseorang. Menurut Arina Johari dan Indirawati Zahid (2016) ujaran tak langsung, kiasan, implikatur yang diujarkan dalam masyarakat Melayu merupakan satu bentuk bahasa yang digunakan bagi menyatakan sesuatu perkara yang mempunyai unsur-unsur negatif, tabu, aib, menjatuhkan air muka seseorang dan maruah.

Laporan

Lakuan ini merupakan lakuan yang ketiga paling kerap digunakan di bawah lakuan asertif, iaitu sebanyak 63 kekerapan. Lakuan ini mempunyai kekerapan yang agak tinggi kerana peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam filem amat berkait rapat. Sehubungan itu, lakuan yang digunakan juga lebih kepada pelaporan atau membina konteks bersama dalam sesuatu peristiwa bahasa (Searle, 1969). Lakuan ini sering kali ditandai oleh kata bantu aspek atau leksikal yang menunjukkan sesuatu perkara yang sudah berlaku atau sudah lepas. Antara leksikal dan kata bantu aspek yang sering digunakan dalam ujaran ialah telah, sudah, baru, lepas dan tadi. Nik Safiah Karim et al, (2015) mengatakan bahawa kata bantu aspek menimbulkan suasana perbezaan masa, iaitu sama ada masa lampau, masa kini, atau masa hadapan. Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2002) pula mengatakan bahawa laporan merupakan satu bentuk bahasa yang digunakan untuk memberitahu, merepot dan mengadu.

Lakuan laporan menuntut penutur bersifat reportase, penyampaian maklumat atau informasi terkesan subjektif menurut anggapan peribadi (Searle, 1969). Lakuan jenis ini sering terjadi dalam ujaran disebabkan oleh menyampaikan maklumat baharu, mengukuhkan maklumat yang sedia ada dan melaporkan sesuatu peristiwa. Oleh yang demikian, perhatikan jadual di bawah yang mengandungi asertif laporan dalam filem Melayu terpilih.

Jadual 7. Laporan dalam Filem Nordin Ahmad

Filem				**Ujaran**
FHJ	D8	U25	Jebat	Abang Tuah, **aku dengar abang Tuah telah dibuang oleh Sultan. Abang tidak bersalah,** Datuk. Hamba tahu ini semua fitnah. Lepaskan abang Tuah.
		U26	Bendahara	Tidak, Jebat. Tak dapat hamba berbuat demikian. Hamba terlebih maklum, hamba pegawai raja terpaksa hamba menjunjung perintah baginda.
		U27	Jebat	Datuk, **abang Tuah telah berbakti kepada raja dan panglima-panglima yang lain, Majapahit, Tun Teja, Raja Panji Alam sampailah Datuk mohon bakti abang Tuah.**
		U28	Bendahara	Jebat. Titah itu tetap titah.

D8, melalui ujaran asertif, Jebat mengujarkan ujaran yang memperlihatkan bentuk laporan seperti dalam U25 dan U27. Asertif laporan dalam U25 merupakan satu penyataan penutur yang disampaikan secara eksplisit dan ujaran ini difahami dan dibalas oleh Bendahara melalui ujarannya dalam U26 merupakan komisif penolakan yang menuntut penutur melakukan sesuatu pada masa akan datang. Ujaran Bendahara dalam U26 kemudiannya dibalas oleh Jebat melalui lakuan asertif laporan dalam U25, yang mempunyai nilai benar atau palsu. Ujaran Jebat dalam U27 merupakan satu pengukuhan terhadap peristiwa yang pernah dilakukan bersama. Sperber & Wilson (1987) mengatakan bahawa peristiwa-peristiwa lampau merupakan satu ensiklopedia yang amat bermakna dalam mengukuhkan maklumat.

Searle (1969) pula mengatakan bahawa ujaran asertif diujarkan adalah bertujuan untuk mengubah dunia melalui perkataan atau penyataan. Mengimbas kembali jasa Tuah kepada kerajaan seperti yang diujarkan oleh Jebat dalam U27 tetap tidak dapat mengubah pendirian Bendahara yang mengekalkan pendiriannya melalui komisif menolak dalam U28 melalui penolakan secara tidak langsung. Berdasarkan D8, penutur sering kali menggunakan leksikal yang menunjukkan peristiwa yang lepas seperti kata ‘telah’. Hal ini dapat dilihat dalam ujaran Jebat dalam U25 dan U27 yang jelas menunjukkan satu peristiwa yang sudah berlaku. Penggunaan kata bantu aspek dalam ujaran yang memperlihatkan satu bentuk laporan dapat membantu pendengar dalam memahami dan menginterpretasi niat komunikatif penutur. Penggunaan kata bantu aspek yang menjelaskan sesuatu peristiwa yang sudah berlaku memudahkan lagi pendengar untuk bertindak balas terhadap ujaran penutur.

Perdebatan

Lakuan perdebatan mencatat nilai kekerapan yang agak tinggi dalam keempat-empat buah filem, iaitu sebanyak 50 kekerapan. Asertif perdebatan melibatkan andaian mengenai kepercayaan ujaran kontekstual relevan (Bach & Harnish, 1979). Lakuan perdebatan diekspres berdasarkan kepercayaan yang bertentangan kepada apa yang ujarkan atau percaya dan bertentangan kepada apa yang dipercayai atau nyata sebelumnya. Oleh yang demikian, perhatikan jadual di bawah yang menunjukkan lakuan asertif perdebatan.

Jadual 8. Perdebatan dalam Filem Nordin Ahmad

Filem				Ujaran
FLK	D9	U29	Yahya	Ali, **kau lupa barangkali aku kenalkan, akulah suami Telani yang kau aniaya dulu.**
		U30	Ali	Eh, **Yahya jangan pulak kau salahkan aku, Telani menjadi korban adalah titah Sultan**
		U31	Yahya	**Kau yang berhutang mengapa Sultan pulak yang kau cagar membayarnya? Aku datang menuntut hutang.** Cabut kerismu supaya kita membuat kira.

D9 yang dipaparkan merupakan asertif perdebatan. Hal ini dapat dikenal pasti melalui leksikal, konteks dan formula yang diberikan oleh Searle (1969) ynag mengatakan asertif perdebatan menganggap bahawa penuntutan tertentu diujarkan oleh H atau seseorang yang menuntut dan tidak perlu diujarkan oleh S atau H. Untuk memperkenan P, penuntutan persetujuan diujarkan dan untuk perbezaan pendapat diujarkan melalui ujaran tidak bersetuju, manakala untuk mempertikai sesuatu

adalah dengan mengujarkan sesuatu yang dipercayai bahawa terdapat sebab untuk tidak mempercayai P.

Dapatlah difahami bahawa Jadual 8 merupakan bentuk lakuan perdebatan. Hal ini dapat dilihat melalui ujaran Yahya dalam U29 dan ujaran Ali dalam U30 yang menunjukkan bahawa terdapat sebab untuk tidak mempercayai tuduhan dalam U29, dan U30 diujarkan bagi menentang tuduhan atau penuntutan U29. U31 pula merupakan ujaran yang menuntut Ali untuk mengakui perbuatan, iaitu Yahya memberikan satu penuntutan yang benar bersesuai dengan konteks yang dialami mereka. Kata kerja performatif yang menunjukkan perdebatan dilihat melalui leksikal 'akulah suami Telani yang kau aniaya dulu', 'jangan pulak kau salahkan aku, Telani menjadi korban adalah titah Sultan' dan 'Kau yang berhutang mengapa Sultan pulak yang kau cagar membayarnya?' Berdasarkan kata kerja performatif yang digunakan, hal in sejajar dengan kenyataan Searle (1969) yang mengatakan bahawa dalam mengekspresikan lakuan perdebatan, penutur atau S menentang atau mempertikaikan sesuatu yang tidak dipercayai atau mempunyai sebab-sebab untuk mempertikai sesuatu perkara.

Melalui asertif dalam U29, Yahya telah mengujarkan ujaran yang memperlihatkan satu bentuk penyataan yang dinyatakan secara eksplisit, iaitu 'kau lupa barangkali aku kenalkan, akulah suami Telani yang kau aniaya dulu' merupakan bentuk penyataan yang menuntut Ali sebagai pendengar untuk mempercayainya. U30 merupakan lakuan perdebatan yang diujarkan untuk membalas atau mempertikai penyataan Yahya dalam U29. Ujaran Ali dalam U30 disangkal oleh Yahya dalam U31 merupakan lakuan perdebatan yang diujarkan untuk menyatakan sesuatu perkara yang betul, iaitu kematian isterinya adalah disebabkan perbuatan Ali dan bukannya Sultan. Lakuan perdebatan ini menunjukkan bahawa sesuatu perkara yang tidak dipercayai dapat disangkal menerusi bukti berdasarkan konteks yang diperoleh.

Implikasi Teori dan Dapatan Kajian

Lakuan pertuturan merupakan satu bentuk komunikasi yang diujarkan dalam proposisi yang betul untuk memberikan gambaran, penginterpretasian dan memahami ujaran. Teori ini memudahkan penutur dan pendengar untuk memahami berdasarkan kategori dan faktor kata kerja yang digunakan dalam ujaran. Faktor lakuan pertuturan, iaitu asertif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif mempunyai peranan masing-masing dalam mewujudkan ujaran saling memahami dan memudahkan penginterpretasian niat komunikatif penutur kepada pendengar.

Implikasi dapatan dilihat amat memberi pengaruh kepada keberkesanan sesuatu komunikasi, terutamanya dalam memberikan maklumat dan hajat komunikatif penutur. Penginterpretasian yang salah akan menyebabkan maklumat yang diterima dan disampaikan juga turut salah. Dapatan yang diperoleh menjelaskan mengenai lakuan pertuturan dalam komuniti budaya masyarakat Melayu. Penggunaan lakuan pertuturan dalam menyampaikan sesuatu perkara dilihat dapat menyerlahkan keintelektualan, pemahaman, falsafah yang terkandung dalam budaya Melayu. Melalui penggunaan lakuan pertuturan dalam skrip filem dilihat sebagai satu manifestasi terjemahan budaya dan bahasa yang dianuti oleh seseorang pengarah. Kepercayaan, kebudayaan dan ideologi yang ada pada pengarah diterjemahkan dan dimanifestasi melalui skrip.

5. Kesimpulan

Lakuan pertuturan merupakan ujaran yang dihasilkan untuk menyampaikan hajat komunikatif penutur melalui paradigmatik lakuan pertuturan. Daripada paradigmatik yang terkandung dalam ujaran akan menghasilkan lakuan pertuturan yang menjelaskan hajat komunikatif penutur. Hasil dapatan mendapati lakuan pertuturan digunakan untuk menyampaikan pelbagai hajat komunikatif penutur. Dalam konteks kajian ini, lakuan pertuturan asertif dan direktif merupakan lakuan yang paling kerap digunakan disebabkan oleh plot penceritaan yang digunakan dalam menyampaikan sesuatu peristiwa. Kedua-dua lakuan ini mencerminkan bahawa dalam sesuatu peristiwa bahasa, lakuan pertuturan asertif dan direktif amat memainkan peranan penting dalam membentuk kelangsungan komunikasi berdasarkan hajat komukatif penutur. Sesuatu lakuan pertuturan amat dipengaruhi oleh bahasa dan hajat penutur.

Rujukan

Abd. Ganing Laengkang. (2018). *Analisis Lakuan Bahasa Terhadap Teks Khutbah Jumaat NegeriSelangor*. Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor. Bil. 2. No.1. 2018.

Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2002). *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu*. Batu Caves: PTS Publishing & Distributors Sdn. Bhd.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2011). *Kamus Peribahasa Kontemporari Edisi Ketiga*. PTS Professional & Publishing Sdn. Bhd: Batu Caves.

Adolps, S. (2018). *Corpus and Context: Investigating Pragmatic Functions in Spoken Discourse*. (Vol. 30). Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing.

Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2019). *Ujaran Saling Memahami dalam Filem Nordin Ahmad*. Jurnal UNIMAS. Issues in Language Studies (Vol. 8. No. 1, 2019)

Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). *Penggunaan Lakuan Pertuturan dalam Mesyuarat*. Jurnal Linguistik Vol. 19 (1), Jun 2015 (048 – 057).

Ardita Dylgjeri. (2017). *Analysis of Speech Acts in Political Speeches*. European Journal of Social Sciences Studies. Vol, 2. Issues 2, 2017.

Arina Johari & Indirawati Zahid (2016). *Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat*. GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 16(2), June 2016.

Asmah, Haji Omar. (2009) *Nahu Melayu Mutakhir. Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Austin, J. L. (1962). *How To Do With Words.* Oxford: Clavendon Press.

Awang Sariyan. (2007). *Santun Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bach, K, & Harnish, R. M. (1979). *Linguistics Communication and Speech Acts*. Cambridge & London: The MIT Press.

Cerny, M. (2017). *On The Function of Speech Acts in Doctor – Patient Communication*. Linguistica Online. Published: August 3rd, 2017.

Franklin, K. (2015). *Special Strategies for Small Language Groups: Part 1: Rethinking Stories*. International Journal of Frontier Missions, 22 (1): 6-12.

Hetti Waluati Triana & Idris Aman. (2011). *Lakuan Tutur Menolak Generasi Muda Minangkabau: Cermin Budaya Popular dalam Interaksi Sosial*. GEMA Online ™ Journal of Language Studies, Volume 11(1), 2011.

Hadher Hussein, A. A. et, al. (2013). *Offering as a Commisive and Directive Speech Act: Consequence for Cross – Cultural Communication.* International Journal of Scientific and Research Publications, Vol. 2, Issue 3, March 2013.

Hirschberg, J. (2014). *A Theory of Scalar Implicature*. New York: Garland.

Holdcroft, D. (2014). *Indirect Speech Acts and Propositional Content*. In Tsohatzidis, S. (ed) 350-364.

Horn, L. & Ward, G. (2015). *The Handbook of Pragmatics*. Oxford: Blackwell.

Huang, Y (2015). *Pragmatik (Terjemahan Puteri Roslina Abdul Wahid).* Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad. Kuala Lumpur.

Kearn, K. (2014). *Semantics: Modern Linguistics.* New York, NY: Palgrave Macmillan.

Kriedler, C. W. (2017). *Introducing English Semantics.* New York: Routledge.

Liamputtong, P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif Edisi Ketiga (Terjemahan Haliza Mohd Riji dan Shamsudin Ahmad).* Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.

Leedy, P. & Ormrod, J. (2001). *Practical Research: Planning and Design (7th ed.)* Upper Saddle River, NJ: Merrill Prentice Hall. Thousand Oaks: SAGE Publications.

Lindeman, S. (2013). *Who's 'Unintelligble'? The Perceiver's Role*. Issues in Applied Linguistics, 18(2), 223 – 232.

Monaco, J. (2014). *How to Read a Film.* New York: Oxford University Press

Nik Safiah Karim, et, al. (2015) *Tatabahasa Dewan: Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Neuman, W. L. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Toronto: Pearson.

Olga Dontcheva-Vavratilova. (2015). *Politeness Strategies in Institutional Speech Acts. Discourse and Interaction*. Brno Seminar on Linguistic Studies in English: Proceedings 2015. Masaryk University in Brno, 2015.

Papafragou, A. & Musolino, J. (2013). *Scalar Implicatures Experiments at The Semantics-Pragmatics Interface*. Cognition 86: 253-282.

Sahar Altikriti. (2016). *Persuasive Speech Acts in Barack Obama's Inaugural Speeches and The Last State of the Union Address*. International Journal of Linguistics. Vol. 8, No. 2; 2016.

Searle, J. R. (1969). Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language. New York: Cambridge University Press.

Solesa-Grijak, D. (2013). *Cognition and Metalinguistic Awareness as Sine Quibus Non for Solving Verbal Problems*. Studia Psychologica, 53 (1), 41 – 52.

Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance Communication and Cognition*. Cambridge: University Press.

Tenas Effendi. (2013). *Kearifan Pemikir Melayu*. Riau: Tenas Effendi Foundation.

Travis, C. (2015). *On What is Strictly Speaking True*. Canadian Journal of Philosophy. 15: 187-229.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2002). *Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak- Kanak Melayu: Satu Kajian Pragmatik*. Tesis PhD. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof & Karim Harun. (2017). *Analisis Lakuan Bahasa Direktif Guru Pelatih dalam Komunikasi di Bilik Darjah*. Jurnal Melayu. Bil. 16 (2) 2017.

Zohreh Rasekh Eslami. (2017). *Refusal: How to Develop Appropriate Refusal Strategies*. Texas A&M University. 217 – 236.

Biodata Penulis

Aminnudin Saimon, Ph.D merupakan pensyarah kanan di *Kuliyyah Language and Management International Islamic University Malaysia*, Pagoh, Johor